

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN : Ir. Shaharuddin bin Ismail minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah kes penyelewengan yang melibatkan pemborong beras ST15 dan apakah tindakan yang dikenakan kepada pemborong berkenaan**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 55 kes pelanggaran Aku Janji sebagai Pengampit atau Pengedar Beras Subsidi ST15%. Antara pelanggaran Aku Janji yang dilakukan adalah termasuk menjual beras ST15% ke gred yang lebih tinggi, tidak mempunyai stor seperti yang dilesenkan dan tidak menyelenggara rekod jualan, belian dan stok beras.

Syarikat-syarikat pemborong yang didapati melanggar Aku Janji telah dipanggil untuk sesi pendengaran di Ibu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di Putrajaya. Semasa sesi pendengaran, pihak syarikat perlu memberi penjelasan ke atas pertuduhan pelanggaran Aku Janji program ST15% kepada Panel Sesi Pendengaran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PPB. Setelah sesi pendengaran, ahli panel akan

membuat syor untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15%.

Daripada 55 kes berkenaan, 8 syarikat telah digugurkan daripada program dan selebihnya telah diberikan amaran termasuk dikurangkan jumlah kuota.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah pembaharuan dalam melaksanakan Program Beras Subsidi ST15% bermula Oktober 2014 seperti berikut:

- i. Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15%;
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Induk Mengenai Hal-Ehwal Industri Padi dan Beras yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab untuk menimbangkan permohonan mendapatkan kuota beras ST15% oleh syarikat pemborong;
- iii. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong yang mendapat kuota beras subsidi;
- iv. Penubuhan Pasukan Petugas Khas di peringkat Ibu Pejabat Kawalselia Padi dan Beras untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas pengilang, pemborong dan peruncit yang terlibat dalam pelaksanaan program beras subsidi; dan
- v. Pemerkasaan Panel Pendengaran yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) bagi mendengar pertuduhan dan menimbangkan rayuan syarikat-syarikat yang telah melanggar akujanji berkaitan pengedaran kuota beras ST15%.

Sekian, terima kasih.